



TEKA LAGU

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	Astro Radio Sdn Bhd
2.	Stesen Radio	ERA fm
3.	Nama Peraduan	TEKA LAGU
4.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Pendengar perlu berikan tajuk lagu yang dimainkan di ERA fm.
5.	Mekanism ringkas Peraduan	<p>a) Jadilah pemanggil terpanas selepas anda dengar isyarat memanggil di mainkan.</p> <p>b) Teka sedutan lagu yang dimainkan</p> <p>c) Pemenang yang berjaya menjawab dengan betul akan berpeluang memenangi Wang Tunai RM 100 setiap hari</p> <p>d) Wang Tunai akan terkumpul atau digandakan RM 100 ke hari seterusnya sekiranya pendengar memberikan jawapan yang salah.</p> <p>Para Peserta mesti mematuhi mekanism Peraduan ini sepertimana diterangkan dan diberitahu kepada para Peserta oleh pihak Penganjur semasa Tempoh Peraduan.</p>
6.	Kriteria Kelayakan	<p>Peraduan ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 1 Januari 2018.</p> <p>Dalam situasi di mana seseorang peserta adalah di bawah umur 18 tahun, peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga peserta untuk memasuki Peraduan ini. Pihak Penganjur adalah menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk memantau penyertaan peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah peserta dibawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p>
7.	Ketidaklayakan	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :-</p> <p>(a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak ayarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan ahli keluarga terdekat orang-orang tersebut.</p> <p>(b) Seseorang individu adalah tidak berkelayakan untuk menyertai dan/atau memenangi Pemberian Hadiah ini jika individu tersebut:</p> <p>4.1 telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada ERA fm dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini</p> <p>4.2 telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada ERA fm dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini</p> <p>4.3 telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada ERA fm dalam tempoh (365) hari sebelum</p>

		Peraduan ini.
8.	Umur Kelayakan	Peraduan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 1 Jan 2018.
9.	Caj	Caj telekomunikasi lazim terpakai
10.	Tempoh Peraduan	1 Jan 2018 hingga 31 Dis 2018. Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk mengubah, menangguh atau menukar Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh yang berkenaan.
11.	Bahasa Peraduan	Bahasa Malaysia.
12.	Prosedur Penyertaan	a) Dengarkan isyarat memanggil pada Isnin hingga Jumaat sahaja antara 6 pagi hingga 10 pagi di ERA fm. b) Jadi pemanggil terpantas di talian 03-9543 3355 untuk menjadi peserta dan teka tajuk lagu yang dimainkan. Pihak Penganjur berhak untuk meminta salinan asli Kad Pengenalan/ Sijil Surat Beranak atau salinan asli dokumen-dokumen sokongan yang lain untuk tujuan pengesahan dan pengiktirafan.
13.	Tarikh Tutup Penyertaan	31 Dis 2017 (11.59pm)
14.	Cara Penghantaran	Melalui Panggilan Telefon
15.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	Pemilihan Pemenang	Pemenang Peraduan akan dipilih berdasarkan jawapan yang betul.
17.	Hadiah	Wang Tunai RM 100, dan wang terkumpul pada tarikh kemenangan (jika terdapat). Penganjur berhak untuk menambah atau mengurangkan hadiah yang ditawarkan bergantung kepada promosi-promosi yang dijalankan
18.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Pengumuman akan dilakukan sebaik sahaja segmen peraduan tamat
19.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Pemindahan Telegraf oleh Penganjur ke akaun bank Pemenang dalam masa 1 bulan dari tarikh pemberitahuan
20.	Tempat Pengambilan Hadiah	Tidak berkenaan.
21.	Terma-terma tambahan, jika ada	TALIAN TERCICIR DAN TIDAK DAPAT DIHUBUNGI Peraduan melalui panggilan telefon Tiada liabiliti ditanggung oleh pihak Penganjur untuk komunikasi telefon yang tidak baik, salah arah / salah menelefon atau kesukaran teknikal yang dialami oleh pemanggil semasa panggilan masuk untuk Peraduan. Jika semasa dalam Peraduan: - a) talian telefon terputus atau terganggu; atau b) terdapat pertikaian yang timbul daripada penggunaan talin-talian telefon di dalam Peraduan (termasuk di dalam situasi di mana telefon berbilang talian adalah digunakan); atau c) dua talian telefon terlintang semasa Peraduan; d) juruhebah tidak mendengar apa-apa maklum balas yang jelas daripada pemanggil; Pihak Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan kelayakan pemanggil atau pemanggil-pemanggil yang berkaitan atas apa-apa jua sebab, dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa pemberian Hadiah kepada pemanggil atau pemanggil-pemanggil tersebut, dan boleh memberikan Hadiah kepada orang lain mengikut budi bicara mutlaknya. Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank Pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak

		<p>RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan / atau kesalahan pihak Penganjur.</p>
--	--	--

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.